

09/02/1998

Syarat bertanding boleh pinda

KOTA BHARU, Ahad - Perlembagaan Umno yang membolehkan setiap ahli bertanding bagi merebut jawatan dalam parti bukanlah tidak boleh dipinda, kata Ketua Umno bahagian Tanah Merah, Datuk Hashim Safin.

Malah, katanya, jika keadaan memerlukan, adalah wajar sesuatu pertandingan itu dielakkan.

"Demokrasi juga tidak tercabar tanpa wujudnya pertandingan, terutama di peringkat bahagian," katanya mengulas mengenai adanya ahli yang ingkar arahan pucuk kepimpinan supaya tiada pertandingan bagi jawatan ketua bahagian, terutama di Kelantan.

Hashim berkata, sebagai ahli Umno yang mengutamakan kepentingan parti, mereka sudah tentu menerima nasihat itu.

Beliau berharap hakikat itu diterima oleh ahli Umno jika mereka sayangkan parti dan meletakkan kepentingan parti lebih daripada kepentingan diri sendiri.

"Tiada gunanya perkataan Bersatu, Bersetia dan Berkhidmat yang menjadi motto parti sekiranya mereka tidak dapat mengamalkan semangat perpaduan dan musyawarah dalam parti," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta ahli supaya benar-benar menghayati saranan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)